

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Tan Sri Datuk Seri Panglima
Annuar bin Musa [KETEREH]**

TARIKH : 25.03.2014 (SELASA)

NO. SOALAN : 35

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk menambah bilangan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) di Wilayah Pantai Timur dan sejauh manakah pusat-pusat RTC ini dapat membantu golongan peniaga Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat dalam perkara ini. Untuk makluman Yang Berhormat, Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) di Wilayah Pantai Timur telah diwujudkan di RTC Kelantan iaitu di Bandar Baru Tunjong@Wakaf Che Yeh dan juga RTC Pahang di Kuala Pahang. Kerajaan juga sedang dalam proses mewujudkan RTC di Terengganu iaitu di Bandar Al Muktafi Billah Shah.

Penubuhan RTC ini telah banyak membantu usahawan IKS seperti di RTC Kelantan yang melibatkan seramai 634 peniaga/usahawan dan RTC Pahang melibatkan seramai 13 peniaga/usahawan. Pembukaan RTC Terengganu dijangka dapat memberi manfaat kepada seramai 46 usahawan. Kerajaan berharap dengan penubuhan RTC ini, lebih ramai usahawan IKS di luar bandar dapat dibantu iaitu melibatkan usahawan sedia ada, usahawan baru dan juga usahawan-usahawan lain di kawasan luar bandar yang terlibat dalam proses pengumpulan produk dan jaringan pemasaran ke RTC.